

## **Jabatan Pendaftar anjur Hari Bertemu Pelanggan**



Pekan, 23 Mac- Jabatan Pendaftar menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan bagi memberi peluang kepada warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk mendapatkan khidmat nasihat dan kemudahan yang disediakan jabatan ini yang dapat dimanfaatkan staf universiti ini.

Mereka yang berkunjung berpeluang mendengar Taklimat Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang disampaikan Pengurus Kanan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor awam (LPPSA), Mohd. Rashidi Baba yang memberi pencerahan mengenai hal-hal berkaitan pinjaman perumahan, jenis pinjaman, kelayakan pinjaman, syarat peminjam, kadar pinjaman dan lain-lain.



Pada penganjuran kali ini warga kerja UMP turut diberi penerangan mengenai pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy) bagi pegawai yang berprestasi rendah dalam perkhidmatan awam yang disampaikan pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Syamsul Nizam Mohd. Razali.

Dalam pada itu Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid yang hadir dalam program berkata, universiti akan memastikan staf yang kompeten akan diberi ganjaran sewajarnya. "Bagi staf yang berprestasi rendah mereka perlu diurus dengan sebaiknya melalui pelaksanaan kaedah *Pay For Performance* dan juga pelaksanaan *Exit Policy* ini mengikut pekeliling yang telah ditetapkan Kerajaan," katanya semasa menyampaikan ucapan dalam program yang berlangsung di Dewan Bankuet Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak.



Sementara itu, Timbalan Pendaftar UMP, Haryani Abdullah berkata, pihaknya turut menyediakan kaunter Aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) atau Buku Rekod Perkhidmatan Secara Digital (*Digital Service Book*) dan Fail Peribadi untuk membolehkan staf menyemak dan mengemaskini maklumat secara terus dengan bantuan pegawai bertugas.

Dalam program yang sama juga berlangsungnya taklimat Rundingan dan Bantuan Staf (EAP) yang disampaikan oleh Haji Samsuddin Abdullah yang merupakan Ketua Unit EAP. Inisiatif baharu ini bertujuan memberi khidmat nasihat kepada staf yang menghadapi kesulitan dalam urusan kerja, keseimbangan kerjaya dan keluarga, kesihatan fizikal dan emosi serta isu perubahan kehidupan peribadi yang secara langsung memberi impak kepada kualiti tumpuan dan prestasi kerja.



Antara agensi yang terlibat ialah Takaful Malaysia, Pusat Zakat Pahang, Pasar Bergerak 1 Malaysia, Tabung Haji, LPPSA, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Biro Bantuan Guaman, Penerbit UMP dan UMP Holding Sdn.Bhd. Manakala taklimat insurans berkelompok disampaikan oleh Pengurus Perniagaan UMP Holding Sdn.Bhd, Aidy Syukri Yahya yang juga memberi penerangan mengenai Produk Ecopest.

**Disediakan oleh Nor Fadzillah Zulkipli dan suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat.**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 24-03-2016, 16:53:10